

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI)

TARIKH: 01 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 34

## Kedah tunggu keputusan Kabinet

ALOR SETAR - Kerajaan Kedah masih menunggu keputusan Kabinet dalam mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) sebagai syarat kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan sektor perkhidmatan awam negeri.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, di peringkat negeri, pihaknya tidak berhak membuat sebarang ketetapan berhubung perkara itu.

Menurutnya, difahamkan perkara tersebut masih lagi di peringkat perbincangan dan perlu menunggu sebarang keputusan di peringkat Persekutuan sebelum digunakan di peringkat negeri kerana perkara tersebut tertakluk di bawah dasar pendidi-

kan negara.

"Ini adalah keputusan Kabinet dan bukan hak kerajaan negeri untuk membuat keputusan itu. Saya difahamkan ia masih lagi di peringkat perbincangan.

"Namun, apa jua keputusan (jemaah menteri) akan kami guna pakai di peringkat negeri," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Konvensyen Pemeraksanaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) di sebuah hotel dekat sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas persetujuan kerajaan Sabah yang dilaporkan mengiktiraf UEC sebagai syarat kemasukan ke IPTA dan sektor perkhidmatan awam negeri itu.

**IKTIRAF  
UEC**



FOTO: MUKHRIZ MAHATHIR FD

Mukhriz (dua dari kiri) bersama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuralda Kamarudin (kanan) melawat gerai pameran pada Konvensyen Pemeraksanaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) di sebuah hotel di Alor Setar semalam.